

**PEMAKAIAN *PRIMA FACIE* DI AKHIR KES PENDAKWAAN JENAYAH
SYARIAH DI MALAYSIA: ISU DAN PENYELESAIAN
[APPLICATION OF *PRIMA FACIE* AT THE END OF PROSECUTION CASE IN
THE SYARIAH CRIMINAL JUSTICE: ISSUES AND SOLUTIONS]**

*Suhaizad Saifuddin, Ahmad 'Azam Mohd Shariff & Muhamad Helmi Md. Said

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: suhaizad1983@gmail.com

Received: 1 Oct 2019

Accepted: 20 Jan 2020

ABSTRAK

Latar belakang dan tujuan: Terdapat dua peringkat perbicaraan kes jenayah syariah yang berkaitan dengan pemakaian darjah pembuktian iaitu pada akhir kes pendakwaan dan kes pembelaan. Peruntukan undang-undang yang tidak jelas berkaitan darjah pembuktian di akhir kes pendakwaan telah menyebabkan pemakaian darjah pembuktian yang tidak seragam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemakaian *prima facie* sebagai darjah pembuktian di akhir kes pendakwaan jenayah syariah. Selain itu, kajian ini juga cuba untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah di negara ini.

Metodologi: Data diperolehi melalui bahan-bahan dokumentasi seperti statut perundangan, kes-kes yang dilaporkan dan yang tidak dilaporkan. Di samping itu, kajian ini telah menemubual enam orang pengamal undang-undang syariah yang berpengalaman luas yang terdiri daripada empat orang hakim syarie, seorang pendakwa syarie dan seorang peguam syarie bagi mendapatkan penjelasan dan pandangan. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis menerusi instrumen analisis kandungan secara kritis dan kritikal.

Dapatan Kajian: Dapatan penulisan mendapati pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah adalah tidak sesuai dan kurang tepat. Ini kerana frasa *prima facie* tidak diperuntukkan dalam undang-undang dan hukum syarak.

Sumbangan: Hasil kajian ini penting dalam memberikan penjelasan kepada pengamal undang-undang syariah supaya darjah pembuktian yang sesuai dengan prinsip syariah dapat di aplikasi pada akhir peringkat pendakwaan kes jenayah syariah bagi menggantikan pemakaian *prima facie* selaras dengan kehendak undang-undang dan roh prinsip jenayah syariah.

Kata kunci: Beban pembuktian, darjah pembuktian, isu, jenayah syariah, *prima facie*.

ABSTRACT

Background and Purpose: There are two stages in the trial of shariah criminal cases related to the application of the degree of evidence, namely at the end of the prosecution case and the defense case. There is an ambiguity in the provision of laws with regards to the burden of proof at the end of prosecution case. This paper aims to analyze the *prima facie* application of the degree of proof at the end of the prosecution case in the shariah criminal justice. Besides, this paper aims to identify the factors of the *prima facie* application in the shariah criminal cases in the country.

Methodology: Data were obtained through documentation materials such as statutes, reported cases and unreported cases. Six experienced shariah law practitioners including four shariah judges, a shariah prosecutor and a shariah lawyer were interviewed to obtain their view and clarifications. The data were analyzed using a critical and analytical content analysis approach.

Findings: The study found that *prima facie* used in the shariah criminal cases was inappropriate and inaccurate as the meaning of *prima facie* has never been clearly clarified by shariah law.

Contributions: The findings of this study are useful in guiding shariah law practitioners so that a degree of proof that is in accordance with shariah principles can be applied at the end of the criminal prosecution stage to replace *prima facie* application in accordance with the legal requirements and the spirit of the principles of shariah criminal justice.

Keywords: Burden of proof, issues, *prima facie*, shariah crime, standard of proof.

Cite as: Saifuddin, S., Mohd Shariff, A. A., & Md. Said, M. H. (2020). Pemakaian *prima facie* di akhir kes pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: Isu dan penyelesaian [Application of *prima facie* case at the end of prosecution case in the syariah criminal justice: Issues and solutions]. *Journal of Nusantara Studies*, 5(1), 395-413. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol5iss1pp395-413>

1.0 PENGENALAN

Al-Jawziyyah (2006) menjelaskan bahawa syariat terbina melalui asas kebijaksanaan dan perjuangan untuk kepentingan manusia di dunia dan akhirat. Segala peraturan dan undang-undang yang menyimpang dari tujuan umum adalah bertentangan dengan syariah. Menurut Mahmood Saedon (1989), keadilan dalam perbicaraan itu memerlukan kepada undang-undang yang lengkap dan ditadbirkan secara cekap dan adil oleh hakim yang adil, berwibawa dan berkeadilan. Hukuman yang adil juga memerlukan keterangan yang tepat dan pembuktian yang kukuh, berdasarkan prinsip-prinsip yang unggul dan undang-undang yang hak iaitu undang-undang Allah SWT. Pembuktian dalam bahasa Arab disebut sebagai *ithbat*. Dari sudut bahasa, *ithbat* bermaksud menguji sesuatu secara selalu dan berterusan. Ia juga membawa erti membuktikan hujah iaitu mengemukakan hujah dan menjelaskannya (Ibn Manzur, 1983; Al-Fayyumi, 1977). Sementara dari sudut istilah terdapat beberapa takrifan diberikan, di antaranya *ithbat* di takrifkan sebagai setiap perkara yang menyebabkan kepada kebenaran yang jelas (Jundi, 1947). *Ithbat* juga diberi maksud sebagai membuktikan ke atas sesuatu hak atau sesuatu kes (Al-Khatib, 1958). Manakala bagi maksud yang khusus, Abd Nasir (1968) mendefinisikan *ithbat* sebagai membuktikan di hadapan hakim dengan kaedah-kaedah yang ditentukan syariah ke atas sesuatu hak atau sesuatu kes tertentu yang mendatangkan kesan.

Bagi proses mengemukakan pembuktian bagi kes jenayah terdapat beberapa aspek utama yang harus dipenuhi iaitu pihak yang menanggung beban bukti dan darjah pembuktian yang diperlukan. Beban bukti merupakan aspek perlu dipatuhi dan terdapat perbezaan diantara konsep beban bukti bagi kes mal dan kes jenayah. Selain itu, seorang hakim juga perlu mengetahui apakah darjah pembuktian yang diperlukan pada kedua-dua peringkat perbicaraan bagi kes jenayah iaitu pada peringkat pendakwaan dan pada peringkat membela diri. Justeru, pensabitan sesuatu kesalahan adalah bergantung kepada kekuatan pembuktian yang dikemukakan melalui beban bukti dan darjah pembuktian yang diperlukan.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Menentukan pihak yang menanggung beban bukti dan mengenalpasti darjah pembuktian yang diperlukan merupakan tugas penting dalam perbicaraan kes jenayah syariah. Zuhaili (1994) mendefinisikan beban pembuktian sebagai bebanan salah seorang daripada pihak yang bertikai untuk mengemukakan hujah dan bukti di atas dakwaannya. Beban bukti dalam konteks undang-undang semasa merupakan satu kaedah dalam sesebuah prosiding sama ada sivil atau jenayah, yang memerlukan seseorang itu terikat untuk membuktikan kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta atau membuktikan keseluruhan kes, maka orang tersebut dikatakan menanggung

beban bukti (Ruzman & Istajib, 2011). Berdasarkan pengertian di atas, beban bukti dapat difahami sebagai tugas pihak-pihak yang bertikai di dalam sesebuah perbicaraan untuk membuktikan segala dakwaan di hadapan hakim. Dalam menerangkan hal ini, Al-Jawziyyah (2003) memberikan panduan bahawa beban pembuktian adalah terletak pada pihak yang mana dalam keadaan yang lebih lemah, di mana berkemungkinan besar hukuman yang bakal dijatuhkan akan tidak berpihak kepadanya.

Beban bukti juga adalah satu aspek penting yang berkait rapat dengan darjah pembuktian. Hal ini kerana darjah pembuktian yang diperlukan adalah berbeza mengikut beban bukti dan beban bukti boleh berubah-ubah dari satu pihak kepada pihak yang lain (Ashraf, 2011). Oleh itu, aspek beban pembuktian tidak boleh dipisahkan dari aspek darjah pembuktian bagi kes jenayah syariah. Darjah pembuktian juga dikenali dengan berat beban membuktikan. Pernyataan ini bermaksud sekadar manakah sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan sesuatu kesalahan itu disabitkan. Selain itu, ia juga dapat diertikan sebagai berapa banyakkah bukti yang dikemukakan atau sejauh mana tahap pembuktian yang disabitkan sesuatu kes dalam Islam itu sendiri (Mahmood Saedon, 1989). Dalam konteks jenayah syariah, Ruzman dan Istajib (2011) menjelaskan darjah pembuktian dapat difahami sebagai tahap yang mesti dicapai untuk melepaskan tanggungan beban bukti ke atas pihak yang menanggung beban bukti. Jika tahap ini tidak dicapai, maka pihak berkenaan tidak akan berjaya mendapat perkara yang didakwa. Terdapat dua jenis peringkat darjah pembuktian yang menjadi fokus oleh mahkamah iaitu pada darjah pembuktian yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan iaitu bagi menentukan sama ada tertuduh akan dipanggil untuk membela diri atau sebaliknya. Selain itu, darjah pembuktian yang dibuktikan oleh pihak pendakwa di akhir kes pembelaan iaitu bagi menentukan sama ada tertuduh disabitkan atas kesalahan jenayah atau sebaliknya (Ahmad 'Azam, 2011). Menurut pandangan Ahmad Ibrahim (1997) penentuan terhadap pihak yang perlu memikul beban pembuktian berserta berat beban pembuktian atau darjah pembuktian yang diperlukan merupakan elemen yang sepatutnya terkandung dalam sesebuah alasan penghakiman bagi kes di mahkamah. Oleh itu, beban dan darjah pembuktian merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam sesebuah perbicaraan kes jenayah syariah sehingga perlu dijelaskan dalam teks penghakiman.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini mengguna pakai kerangka kajian undang-undang (*legal research*) dengan pendekatan kualitatif. Data diperolehi melalui instrumen penilaian terhadap dokumentasi dan temubual yang dijalankan. Bahan-bahan dokumentasi yang dianalisis adalah seperti buku, jurnal, artikel, kes yang dilaporkan, kes yang tidak dilaporkan dan statut (akta, enakmen dan

ordinan). Di samping itu, kajian ini telah menjalankan temubual separa struktur dengan enam pengamal undang-undang syariah. Sampel informan dikategorikan sepertimana berikut:

Jadual 1: Senarai nama informan-informan kajian dan jawatan (temubual telah dijalankan dari 29 Julai 2018 hingga 8 November 2018).

Label	Nama	Jawatan
Informan 1	Ahmad Wafi Abdullah	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru
Informan 2	Azazurina Mukarab Khan	Pendakwa Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
Informan 3	Mohamed Fouzi Mokhtar	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Informan 4	Syazwan Mohd. Yusof	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kluang
Informan 5	Wan Mohamad Helmi Masran	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau
Informan 6	Zainul Rijal Abu Bakar	Peguam Syarie Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Kesemua informan yang ditemubual merupakan pengamal undang-undang syariah yang berpengalaman luas dan telah beramal lebih daripada sepuluh tahun. Bagi proses pemurniaan dan analisis data, semua maklumat yang diperolehi dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Pemakaian *Prima Facie* di Mahkamah Awam

Prima facie merupakan prinsip undang-undang yang berasal dari sistem *common law*. Konsep ini diamalkan bagi pendakwaan kes jenayah di Mahkamah Awam yang juga dikenali sebagai Mahkamah Sivil di negara kita. Frasa *prima facie* merupakan gabungan dua perkataan bahasa

Latin iaitu *primus* bermaksud pertama dan *facies* bererti pandangan (Oxford Latin Dictionary, 1968). Menurut The Oxford English Dictionary (1989), *prima facie* ditakrifkan sebagai pada pandangan pertama atau seperti yang muncul pada mulanya tanpa penyiasatan atau timbul pada pandangan pertama atau berdasarkan atau diasaskan pada tanggapan pertama. Sementara The Concise Law Dictionary (2013) memberikan definisi *prima facie* sebagai sesuatu kes yang terdapat padanya beberapa bukti bagi menyokong pertuduhan dan dakwaan yang dibuat mencukupi melainkan ianya dipatahkan. Menerusi sesuatu kes yang sedang didengar di mahkamah, pihak yang memulakan tindakan yang melibatkan beban pembuktian itu terletak padanya mesti mengemukakan kes *prima facie*. Sekiranya pihak yang satu lagi dapat mengemukakan bahawa tiada kes untuk dijawab, maka kes itu perlu dibuang. Gordon-Smith Ag JA dalam penghakiman kes *Pendakwa Raya v Chin Yoke* [1940] MLJ 47 memetik takrifan *prima facie* dengan merujuk kepada *Mozley and Whiteley's Law Dictionary* sebagai pihak yang terlibat dalam perbicaraan dikatakan mempunyai kes *prima facie* apabila keterangan yang menyokong adalah cukup kuat untuk pihak lawan dipanggil untuk menjawabnya. Oleh itu, kes *prima facie* adalah terbentuk dengan bukti yang mencukupi, dan hanya boleh dipatahkan dengan keterangan menyangkal yang dikemukakan oleh pihak yang lain. Sebelum pembelaan boleh dipanggil, mahkamah perlu membuat penilaian maksimum bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan bahawa saksi pendakwa perlu tertakluk kepada ujian kredibiliti yang ketat.

Pemakaian *prima facie* di Mahkamah Awam Malaysia telah melalui satu tempoh yang panjang. Perkembangan ini dapat di bahagikan kepada dua fasa iaitu sebelum pindaan seksyen 173(f) dan seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah dan selepas pindaan kedua-dua seksyen pada tahun 1997. Sebelum pindaan kedua-dua seksyen tersebut pada tahun 1997, tafsiran kedua-dua seksyen berkaitan darjah pembuktian yang diperlukan bagi pihak pendakwa menutup kes adalah bergantung kepada pendapat undang-undang yang berbeza sama ada *prima facie* atau *beyond reasonable doubt* atau melampaui keraguan yang munasabah. Dalam kes *Haw Tua Tau v Pendakwa Raya* [1981] 2 MLJ 49, Majlis Privi telah menjelaskan ujian *prima facie* bagi penutupan kes pendakwa. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* pada penutup kes pendakwaan, ini bermakna bahawa fakta-fakta itu bukan mustahil (*inherently incredible*) dan terdapat sedikit sebanyak keterangan yang membuktikan setiap intipati penting (*minimal evaluation*) kesalahan yang didakwa itu. Justeru, dalam kes ini telah ditetapkan bahawa mahkamah hanya perlu menjalankan penilaian minimum terhadap keterangan yang dikemukakan pada penutupan kes pendakwaan oleh pihak pendakwa. Kes ini menjadi penanda aras dalam ujian penentuan *prima facie* kes (Teo, 2008). Kes tersebut juga telah diikuti dalam kes *Munusamy v Pendakwa Raya* [1987] 1 MLJ 492 dan dalam kes

Junaidi bin Abdullah v Pendakwa Raya [1993] 3 MLJ 217. Mahkamah-mahkamah di Malaysia telah merujuk kepada ujian yang dijelaskan di dalam kes Haw Tua Tau tersebut sehingga Mahkamah Agong beralih kepada penilaian keterangan maksimum dalam kes *Khoo Hi Chiang v Pendakwa Raya* [1994] 1 MLJ 265. Mahkamah memutuskan bahawa penilaian keterangan maksimum diperlukan untuk memutuskan sama ada pendakwa telah membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh hingga tiada keraguan yang munasabah. Kes ini kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arulpragasam lwn Pendakwa Raya* [1997] 1 MLJ 1(MP) (Teo, 2008).

Pada tahun 1997 selepas kes *Arulpragasam* diputuskan, telah berlaku pindaan pada seksyen 173(f) dan seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan peruntukan *prima facie* di akhir penutup pendakwaan kes. Seksyen 173(f) akta tersebut merupakan tatacara perbicaraan yang perlu diikuti oleh Majistret manakala seksyen 180 pula memperuntukkan tatacara perbicaraan oleh Mahkamah Tinggi. Selepas pindaan dibuat, terdapat beberapa versi pandangan hakim terhadap ujian dan penilaian yang perlu dilakukan. Menerusi kes *Pendakwa Raya v Sukumaran a/l Sudram* [1999] 4 MLJ 462 dan kes *Pendakwa Raya v Krishna Raoi a/l Gurumurthi & yang lain* [2000] 1 MLJ 27, kedua-dua hakim Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa kes *prima facie* tidak boleh disamakan dengan ujian hingga tiada keraguan yang munasabah. Kedua-dua pendapat hakim Mahkamah Tinggi ini telah diakaskan oleh kes *Looi Kow Chai & yang lain v Pendakwa Raya* [2003] 2 AMR (MR). Hakim Mahkamah Rayuan menjelaskan maksud *prima facie* selepas pindaan ke atas seksyen 180 Akta 593 iaitu hakim perlu menilai keterangan pihak pendakwa dengan penilaian maksimum. Jika hakim memutuskan untuk memanggil tertuduh membuat pembelaan dan tertuduh memilih untuk berdiam diri, adakah hakim bersedia untuk mensabitkan kesalahan terhadapnya berdasarkan keseluruhan keterangan yang terkandung dalam kes pihak pendakwa?. Jika tidak, maka *prima facie* telah gagal dibentangkan dan tertuduh berhak untuk dibebaskan. Ujian yang serupa juga dijelaskan Hakim Augustine Paul dalam kes *Pendakwa Raya v Dato Seri Anwar Ibrahim* (No 3) [1999] 2 MLJ 1, pendapat Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Pendakwa Raya* [2005] 2 MLJ 301, 315 & 316 dan dalam kes *Pendakwa Raya v Mohd. Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457. Pada tahun 2007 seksyen 173h Kanun Tatacara Jenayah telah dipinda dengan memasukkan seksyen 173h (iii) dan 180 (4) yang memperuntukkan bahawa *prima facie* kes berlaku apabila pihak pendakwa telah membuktikan keterangan yang kukuh yang membuktikan setiap faktor kesalahan yang sekiranya tidak dipatahkan atau tidak diterangkan akan mewajarkan suatu sabitan. Justeru, sekalipun tertuduh memilih untuk berdiam diri, tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan tersebut dan

pendakwa dikatakan telah mengemukakan keterangan sehingga tahap melampaui keraguan yang munasabah.

4.2 Darjah Pembuktian Bagi Peringkat Pendakwaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia Dari Sudut Perundangan

Peruntukan berkaitan darjah pembuktian bagi peringkat pendakwaan kes jenayah syariah dapat diperhatikan secara implisit dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Misalnya seksyen 96(f), (g), (h)(i) dan (j) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa:

(f) Jika, selepas mengambil segala keterangan yang disebut dalam perenggan (c), (d) dan (e), Mahkamah mendapati bahawa tiada kes terhadap tertuduh telah diwujudkan yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitannya, maka Mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan;

(g) tiada apa-apa jua dalam perenggan (f) boleh disifatkan sebagai menghalang Mahkamah daripada melepaskan tertuduh pada mana-mana peringkat terdahulu dalam kes itu jika bagi sebab-sebab yang hendaklah direkodkan oleh Mahkamah ia berpendapat pertuduhan itu tidak berasas;

(h) jika, apabila keterangan itu telah diambil, Mahkamah berpendapat bahawa ada alasan untuk menganggap bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang dipertuduh itu atau kesalahan lain yang Mahkamah itu kompeten untuk membicarakannya dan yang pada pendapatnya patut dibicarakannya, ia hendaklah menimbangkan pertuduhan yang direkodkan terhadap tertuduh dan memutuskan sama ada pertuduhan itu mencukupi dan, jika perlu, hendaklah meminda pertuduhan itu.

Peruntukan di atas menyediakan tatacara perbicaraan bagi peringkat pendakwaan kes jenayah syariah. Pada peringkat tersebut jelas memperuntukkan “*tiada kes terhadap tertuduh telah diwujudkan yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitannya*” untuk hakim melepaskan tertuduh. Sementara bagi frasa “*ada alasan untuk menganggap bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang dipertuduh itu*” bagi hakim mengarahkan tertuduh membela diri. Secara implisit, darjah pembuktian pada peruntukan tersebut boleh diperhatikan pada peringkat pendakwaan. Pihak pendakwa perlu mengemukakan keterangan sehingga mencapai suatu tahap iaitu sekiranya tertuduh tidak mematahkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui soal balas akan membolehkan tertuduh disabit dengan pertuduhan begitu

juga sekiranya tertuduh memilih untuk berdiam diri semasa peringkat pembelaan. Erti kata lain, tanggungjawab mengemukakan pembuktian pada satu darjah pembuktian yang tinggi adalah terletak pada bahu pihak pendakwa. Peruntukan tersebut bersifat umum dan tidak jelas kerana tiada darjah pembuktian yang khusus dinyatakan. Begitu juga frasa *prima facie* tidak dinyatakan sama sekali dalam peruntukan tersebut. Walaupun Enakmen Tatacara Jenayah Syariah telah disalin dan diharmonisasi daripada Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), namun peruntukan *prima facie* tidak diperuntukkan berbanding Akta 593. Perkara ini kerana proses integrasi dan harmonisasi perundangan tersebut berlaku sebelum berlakunya pindaan pada seksyen 173(f) dan seksyen 180 Akta 593 pada tahun 1997. Selepas pindaan tersebut dibuat, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah masih mengekalkan peruntukan yang sama.

Pemakaian *prima facie* dalam penghakiman kes jenayah syariah boleh dikatakan tidak sesuai dan tidak tepat. Pernyataan ini kerana rujukan terhadap undang-undang Mahkamah Awam telah terhenti selepas Enakmen Tatacara Jenayah Syariah yang khusus digubal (Sheikh Ghazali, 2003). Sebelum Enakmen Tatacara Jenayah Syariah yang khusus diperkenalkan, Mahkamah Syariah dibenarkan untuk merujuk kepada Kanun Tatacara Jenayah. Amalan merujuk kepada Kanun Tatacara Jenayah ini dibenarkan berdasarkan kepada seksyen 74 Enakmen Pentabiran Undang- undang Islam Negeri Selangor 1952 yang menyatakan bahawa “*Dalam perkara yang berkaitan dengan amalan dan tatacara prosiding jenayah yang tidak dijelaskan secara nyata di dalam Enakmen ini atau di bawah mana-mana peraturan, Mahkamah hendaklah mengambil kira untuk mengelak ketidakadilan dan memberhentikan urusan dan bolehlah mengambil kira amalan dan tatacara yang diperolehi di Mahkamah Awam dalam perkara berkaitan prosiding jenayah. Sungguhpun begitu rujukan terhadap Kanun Tatacara Jenayah haruslah selari dengan hukum syarak. Mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan hukum syarak adalah terbatal dan hukum syarak hendaklah terpakai sekiranya terdapat kelompangan*”.

Selepas undang-undang tatacara jenayah syariah yang khusus digubal, peruntukan tersebut dimansuhkan dan hukum syarak dijadikan sebagai rujukan muktamad sebagaimana yang dinyatakan pada seksyen 230 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menetapkan bahawa “*Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan Akta ini yang tidak konsisten dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat yang ia tidak konsisten itu, jika terdapat lacuna atau jika apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam akta ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak*”.

Kesimpulannya, adalah jelas sama sekali frasa *prima facie* tidak diperuntukkan dalam mana-mana peruntukan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di negara ini. Shamrahayu

(2016) menegaskan bahawa sungguhpun Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Kanun Tatacara Jenayah mempunyai peruntukan yang hampir sama, namun tafsiran Enakmen Tatacara Jenayah Syariah hendaklah mengikut kepada prinsip undang-undang jenayah Islam dan falsafah tatacara jenayah Islam kerana falsafah penguatkuasaan kedua-dua undang-undang ini adalah berbeza. Seharusnya tafsiran kepada Enakmen Tatacara Jenayah Syariah seharusnya dibuat berdasarkan kepada prinsip undang-undang jenayah Islam dan falsafah tatacara jenayah Islam. Pernyataan ini juga selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada iaitu mana sesuatu lakuna atau perkara yang tidak diperuntukkan secara nyata perlulah merujuk kepada hukum syarak. Hukum syarak yang dimaksudkan dalam peruntukan tersebut dijelaskan pada tafsiran dalam seksyen 3 akta yang sama iaitu hukum syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut salah satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali. Walaupun tiada perbincangan khusus menurut perspektif syarak berhubung dengan darjah pembuktian bagi peringkat pendakwaan tersebut, Hakim Syarie masih boleh menggunakan metode ijtihad dalam ruang lingkup perspektif syarak yang telah dibincangkan oleh para fuqaha klasik dan kontemporari. Tafsiran berpandukan prinsip syariah amat tepat kerana dapat mengembangkan tafsiran hukum syarak supaya menjadi rujukan kepada Hakim-hakim Syarie yang lain sebagaimana tafsiran-tafsiran perundangan yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Justeru, pemakaian *prima facie* tidak sesuai untuk digunakan dan pendekatan penggunaan istilah syariah perlu diamalkan dan dikembangkan di Mahkamah Syariah.

4.3 Pemakaian *Prima Facie* di Akhir Kes Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Kes

Pemakaian *prima facie* sebagai darjah pembuktian bagi kes pendakwaan boleh dianalisis berdasarkan kes-kes yang diputuskan seperti berikut:

- (i) Dalam kes *Pendakwa Syarie Kelantan v Mohamed Sabu & seorang lagi* [1997] XI (1) JH 61, kedua-dua tertuduh telah didakwa dengan pertuduhan khalwat di bawah seksyen 9(1) dan (2) Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, Yang Arif Hakim Bicara dalam penghakiman memutuskan:

Dengan sebab dan alasan-alasan tersebut dapati Pendakwa Syarie gagal membuktikan kes prima facie dan membebaskan kedua-dua tertuduh tanpa memanggil membela diri mengikut seksyen 99 (j) Enakmen Acara Jenayah Syariah 9/83 (Kelantan).

Berdasarkan kes di atas, Yang Arif Hakim Bicara dengan jelas telah memutuskan tertuduh dibebaskan tanpa perlu membela diri atas alasan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes sehingga ke peringkat *prima facie*. Darjah “*prima facie*” yang dipakai oleh Mahkamah Awam telah dijadikan sandaran bagi Hakim Bicara membuat keputusan dalam kes ini. Walaupun begitu, tiada penjelasan kepada maksud ujian *prima facie* yang menjadi ukuran dan sumber *prima facie* di ambil. Selain itu, ujian penilaian yang perlu dipertimbangkan juga tidak dijelaskan dalam teks penghakiman.

- (ii) Menerusi kes *Pendakwa Syarie Pahang v Mahadi & seorang lagi* [1998] XII (1) JH 55, Hakim Bicara menjelaskan maksud *prima facie* yang diamalkan di Mahkamah Awam dan menjelaskan dari perspektif syarak. Hakim Bicara dalam teks penghakiman menjelaskan bahawa:

Keterangan prima facie adalah keterangan yang memenuhi intipati kesalahan (ingredients of the offence) dan intipati keterangan yang diberi (ingredients of the evidence) kerana beban pembuktian yang terletak kepada pendakwa adalah berupa tanpa sebarang keraguan (beyond reasonable doubt). Mahkamah Awam telah pun meletakkan prinsip ini di awal kes pendakwaan manakala pembuktian oleh orang kena tuduh semata-mata menimbulkan kesangsian kes itu dan mahkamah menerima penjelasan yang diberi oleh orang kena tuduh sebagai satu kemungkinan. Ini sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud “elakkan dari menghukum jika ada sebarang keraguan” dan hadis yang bermaksud “tinggalkan apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan.

Berdasarkan kes tersebut, Hakim Bicara telah memutuskan bahawa pendakwa gagal membuktikan *prima facie* kes dan dengan itu kes tidak terbukti. Kedua-dua pihak tertuduh dibebaskan tanpa dipanggil membela diri dari disabitkan atas petuduhan khalwat di bawah seksyen 145(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, No.8/82 pindaan 1987. Hakim Bicara dalam kes ini

cuba menjelaskan maksud *prima facie* dan sumber ia diambil. Hakim Bicara juga cuba untuk menjelaskan pemakaiannya dari perspektif prinsip syariah dengan berpanduan sebuah hadis. Namun, terdapat kelompangan kerana Hakim Bicara tidak menjelaskan apakah bentuk ujian penilaian *prima facie* yang diaplikasi dalam kes tersebut.

- (iii) Pemakaian *prima facie* juga dapat diperhatikan dalam sebuah kes rayuan *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan v Mohd Amin & seorang lagi* [Kes Jenayah No: 05500-114-0006-2013 & 05500-114-0007-2013]. Kedua-dua tertuduh telah mengemukakan rayuan atas keputusan Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Seremban yang mensabitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan percubaan persetubuhan haram di bawah seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992. Yang Arif Hakim Bicara menjelaskan bahawa dalam sesebuah perbicaraan pertimbangan yang teliti perlu dibuat terhadap keterangan saksi-saksi pihak pendakwa dalam memutuskan sama ada wujudnya *prima facie* atau sebaliknya. Yang Arif Hakim Bicara juga menambah bahawa elemen-elemen kesalahan perlu dipenuhi bagi mensabitkan *prima facie* atau tidak. Berdasarkan kes rayuan ini, Yang Arif Hakim Bicara telah mengakaskan keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan membebaskan kedua-dua tertuduh dari sabitan kes dengan alasan bahawa kedua-dua perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah. Yang Arif Hakim Bicara dalam kes ini cuba menerangkan bagaimana *prima facie* kes boleh disabitkan. Walaupun begitu, tiada penjelasan berhubung maksud ujian *prima facie* yang menjadi ukuran kes pendakwaan dan sumber pengambilan darjah pembuktian tersebut. Selain itu, bentuk ujian penilaian yang diguna pakai dalam kes ini juga tidak dijelaskan.
- (iv) Merujuk kes *Pendakwa Syarie Selangor v Muhammad Iquan Syah & yang lain* [Kes Jenayah No: 10400-114-0032-2014, 10400-114-0033-2014 dan 10400-114-0038-2014], Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua telah dipertuduhkan di bawah seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 berhubung kesalahan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Sementara Tertuduh Ketiga di pertuduhkan atas kesalahan bersubahat di bawah seksyen 46 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Hakim Bicara telah mengulas berhubung darjah pembuktian bagi kes pendakwaan bahawa perkara tersebut tidak diperuntukkan secara jelas dalam seksyen 96 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Hakim Bicara juga menambah bahawa tahap pembuktian yang diperlukan di

peringkat pendakwaan tidak perlu sehingga ke tahap yakin tetapi pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan sehingga ke tahap tanpa keraguan yang munasabah atau *zan al-Ghalib* sahaja. Mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan setiap elemen dalam pertuduhan dan peruntukan Seksyen 26 dan Seksyen 46(c) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; dan seterusnya Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya kes *prima facie* terhadap ketiga-tiga tertuduh yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitan terhadap mereka. Justeru, ketiga-tiga tertuduh diarahkan untuk membela diri. Berdasarkan kes tersebut, Yang Arif Hakim Bicara membincangkan di awal penghakiman bahawa darjah pembuktian kes bagi peringkat pendakwaan tidak diperuntukkan secara jelas di bawah undang-undang sedia ada dan tahap pembuktian yang perlu dikemukakan oleh pihak Pendakwa. Yang Arif Hakim Bicara juga ada menjelaskan maksud *prima facie* dengan memetik frasa ‘yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitan terhadap tertuduh’. Selain itu, Yang Arif Hakim Bicara juga cuba menjelaskan sebab *prima facie* kes disabitkan iaitu dengan memenuhi elemen-elemen pertuduhan. Namun begitu penjelasan berhubung sumber *prima facie* diambil dan memperihal bentuk ujian penilaian yang diguna pakai di dalam kes ini tidak diperincikan.

- (v) Berdasarkan kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan v Zul kifli Othman* [Kes Jenayah No: 14100-143-0017-2007], tertuduh telah didakwa dengan pertuduhan khalwat yang diperuntukkan di bawah seksyen 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Yang Arif Hakim Bicara mengulas bahawa mahkamah berpuashati bahawa Pendakwa Syarie telah berjaya membuktikan setiap elemen kesalahan yang dipertuduhkan bagi mensabitkan *prima facie*. Yang Arif Hakim Bicara di akhir penghakiman mengulas:

Saya berpuashati bahawa Pendakwa Syarie JAWI telah berjaya membuktikan dakwaannya pada peringkat zann qarib min al-yakin atau melepasi sebarang keraguan munasabah (beyond any reasonable doubt).

Yang Amat Arif Hakim Bicara dalam kes ini telah menyamakan tahap *zan qarib min al-yakin* dengan melepasi sebarang keraguan munasabah (*beyond any reasonable doubt*) sebagai darjah pembuktian yang perlu dikemukakan oleh pihak Pendakwa. Yang Amat Arif telah membuat kesimpulan bahawa Pendakwa Syarie telah berjaya membuktikan setiap elemen kesalahan yang dipertuduhkan bagi

mensabitkan *prima facie*. Penjelasan berkaitan maksud *prima facie* yang menjadi ukuran, sumber dan bentuk ujian penilaian yang digunakan tidak dijelaskan dalam teks penghakiman kes ini.

- (vi) Merujuk sebuah kes lain, *Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor v Khalid Abdul Samad* [Kes Jenayah No: 10003-137-0105-2013], tertuduh telah dipertuduhkan di bawah seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 berhubung kesalahan mengajar tanpa tauliah. Hakim Bicara menjelaskan bahawa penilaian maksima perlu dilakukan bagi setiap kes di akhir pendakwaan dengan merujuk kepada kes *Khoo Hi Chiang v PP* [1994] 1 MLJ 265 dan kes *Arulpragasam Sandaraju v Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 597. Hakim Bicara dalam mengulas kes di peringkat pendakwaan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dua elemen kesalahan dan membuktikan wujud kes terhadap tertuduh (*prima facie*) yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitan terhadap tertuduh. Hakim Bicara dalam kes ini cuba menjelaskan maksud ujian *prima facie* iaitu dengan membuat penilaian maksimum terhadap elemen kesalahan dan membawakan frasa ‘yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitan terhadap tertuduh’. Hakim Bicara dalam kes ini tidak menjelaskankan apakah yang dimaksudkan dengan penilaian maksimum dan bagaimana ia boleh dicapai.
- (vii) Merujuk kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan v Mohd Norizam Sulaiman & seorang lagi* [Kes Jenayah No: 14600-143-0006-2006 dan 14600-143-0007-2006], Hakim Bicara cuba menjelaskan maksud penilaian maksimum dalam menentukan sama ada tahap pembuktian yang diperlukan di akhir kes pendakwaan sama ada tanpa keraguan yang munasabah atau *prima facie*. Ujian yang boleh dipakai ialah jika pada akhir kes pendakwaan, tertuduh dipanggil membela diri dan tertuduh mengambil untuk berdiam diri, tertuduh akan disabitkan bersalah, maka tahap pembuktiannya adalah tahap tanpa keraguan yang munasabah. Ujian ini dcedok daripada pendapat-pendapat mahkamah dalam beberapa kes di Mahkamah Awam seperti kes *Looi Kow Chai & yang lain v Pendakwa Raya* [2003] 2 AMR (MR) dan kes *Balachandran v Pendakwa Raya* [2005] 2 MLJ 301, 315 & 316. Namun, perlu difahami bahawa keterangan tertuduh di Mahkamah Awam dianggap sebagai keterangan saksi, manakala Mahkamah Syariah tidak menerima keterangan tertuduh termasuk dalam keterangan saksi. Justeru, sama ada tertuduh memberikan keterangan atau berdiam diri tidak memberikan sebarang merit kepada keseluruhan keterangan tertuduh.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa darjah pembuktian kes pada peringkat pendakwaan tidak diperuntukkan secara jelas dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri. Isu ini juga telah yang diulas oleh Yang Arif Hakim Bicara dalam teks penghakiman kes *Pendakwa Syarie Selangor v Muhammad Iquan Syah & yang lain* [Kes Jenayah No: 10400-114-0032-2014, 10400-114-0033-2014 dan 10400-114-0038-2014]. Apabila peruntukan tersebut ‘lompang’, maka mengikut undang-undang rujukan perlu dibuat kepada Hukum Syarak sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 230 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan pada seksyen 130 Akta Keterangan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Berdasarkan analisis kes-kes tersebut, kajian ini mendapati konsep asas *prima facie* yang menjadi ukuran dalam sesuatu penghakiman tidak dijelaskan dengan sebaiknya. Memandangkan *prima facie* tidak disebut dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan bukan berasal dari prinsip syariah, maka kefahaman berkaitannya perlu diperjelaskan dalam penghakiman sebaik mungkin. Perkara ini termasuklah maksud sebenar ujian *prima facie*, dari mana sumber ianya diambil? bagaimana *prima facie* boleh disabitkan? dan apakah bentuk ujian penilaian (*evaluation test*) yang diguna pakai?. Apabila aspek-aspek tersebut tidak dijelaskan sebaik mungkin, ia menimbulkan persoalan tentang tahap kefahaman para Hakim Syarie berhubung ujian *prima facie* tersebut atau Hakim Syarie membuat tafsiran yang tersendiri berhubung *prima facie* bagi kes jenayah syariah. Selain itu, terdapat beberapa aspek *prima facie* yang disalin secara langsung dari Kanun Tatacara Jenayah tetapi tidak dinyatakan sumber pengambilan dalam teks penghakiman. Misalnya, bagi mensabitkan *prima facie* kes, pihak pendakwa perlu mengemukakan keterangan yang kukuh yang membuktikan setiap satu faktor atau elemen kesalahan. Keterangan kuat dan kukuh ini sekiranya tidak dipatahkan akan mewajarkan sesuatu sabitan kesalahan. Keperluan-keperluan ini menjelaskan kaedah *prima facie* sesuatu kes tercapai sebagaimana yang sebenarnya diperuntukkan dalam seksyen 173 h (iii) dan seksyen 180 (4) Kanun Tatacara Jenayah.

Kajian ini juga mendapati terdapat empat perbezaan tafsiran berhubung pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah di negara ini, iaitu:

- i. Wujud keterangan yang memenuhi salah satu elemen kesalahan. Tafsiran ini meletakkan penilaian yang rendah dalam menilai pembuktian yang dikemukakan. Ini kerana pihak pendakwa tidak perlu membuktikan kesemua

- elemen kesalahan sehingga ke tahap melampaui keraguan yang munasabah, sebaliknya memadai dengan membuktikan satu elemen sahaja.
- ii. Kecukupan keterangan yang memenuhi setiap elemen kesalahan sehingga mencapai tahap melampaui keraguan yang munasabah. Tafsiran ini tidak menekankan aspek penilaian maksimum yang menjadi amalan di Mahkamah Awam.
 - iii. Kecukupan keterangan yang memenuhi setiap elemen kesalahan berdasarkan ujian penilaian maksimum sehingga mencapai tahap melampaui keraguan yang munasabah. Pendekatan ini diambil daripada amalan di Mahkamah Awam sepenuhnya.
 - iv. Kecukupan keterangan yang memenuhi setiap elemen kesalahan sehingga mencapai tahap *zan al-Ghalib*. Tafsiran ini menggantikan tahap melampaui keraguan yang munasabah dengan tahap *zan al-Ghalib*.

Perbezaan tafsiran dan pendekatan yang digunakan bagi menetapkan *prima facie* menunjukkan ketidakseragaman kefahaman dan keclaruan dalam pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah di negara ini. Satu lagi isu yang boleh diperhatikan adalah berhubung dengan maksud penilaian maksimum yang menjadi ukuran dalam ujian menentukan *prima facie* seperti yang dijelaskan oleh Hakim Bicara dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor v Khalid Abdul Samad* [Kes jenayah No: 10003-137-0105-2013]. Merujuk kes *Looi Kow Chai & yang lain v Pendakwa Raya* [2003] 2 AMR (MR) dan kes *Balachandran v Pendakwa Raya* [2005] 2 MLJ 301, 315 & 316, Hakim-hakim Bicara telah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan penilaian maksimum adalah sekiranya mahkamah memanggil pihak tertuduh untuk membuat pembelaan dan tertuduh memilih untuk berdiam diri, adakah tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa?. Sekiranya tidak, maka kes *prima facie* telah gagal dibentangkan dan tertuduh berhak dibebaskan. Melihat kepada latar belakang tatacara perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Awam, sekiranya tertuduh diarahkan oleh mahkamah untuk membuat pembelaan, tertuduh mempunyai tiga pilihan iaitu sama ada memberikan keterangan bersumpah di dalam kandang saksi atau memberikan keterangan tidak bersumpah daripada kandang tertuduh atau berdiam diri sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 173 (ha)(i)(ii)(iii) Kanun Tatacara Jenayah. Sebaliknya, peruntukan tersebut tidak dinyatakan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri. Selain itu, wujud perbezaan yang ketara berhubung dengan keterangan tertuduh di antara Mahkamah Awam dan Mahkamah

Syariah. Amalan di Mahkamah Awam, tertuduh merupakan salah seorang saksi yang mana keterangannya secara bersumpah dalam Mahkamah mempunyai berat timbangan (evidentiary weight). Seksyen 173 (j)(iii) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan sekiranya tertuduh memutuskan untuk memberikan keterangan, maka tertuduh perlu terlebih dahulu memberi keterangan dan dianggap sebagai keterangan saksi pertama. Bagi Mahkamah Syariah, tertuduh tidak dianggap sebagai salah seorang saksi walaupun tertuduh memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi. Amalan ini diperuntukkan pada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah misalnya pada seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang mendefinisikan saksi tidak termasuk plaintif, defendan dan orang tertuduh. Oleh itu, sama ada tertuduh berdiam diri atau memberikan keterangan bagi kes pembelaan kes jenayah syariah ia tidak melemahkan atau menguatkan keseluruhan keterangan dari pihak tertuduh. Justeru, penilaian maksimum yang menjadi ukuran *prima facie* di Mahkamah Awam akan menimbulkan kekeliruan bagi kes jenayah syariah.

4.4 Faktor-Faktor Pemakaian Prima Facie

Darjah pembuktian bagi kes jenayah syariah merupakan salah satu aspek penting yang tidak dinyatakan secara jelas dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Penelitian terhadap prinsip syariah juga mendapati bahawa tiada perbahasan khusus yang dijelaskan oleh para fuqaha menjurus kepada darjah pembuktian bagi peringkat pendakwaan (Ahmad 'Azam, 2011). Hasil temubual menemui kesemua informan bersetuju bahawa pemakaian *prima facie* merupakan darjah pembuktian yang biasa diamalkan dalam kes-kes jenayah syariah di negara ini. Menurut pandangan informan 1, informan 2, informan 4 dan informan 5, masalah lakuna undang-undang dan ketiadaan perbahasan prinsip syariah merupakan faktor utama yang membawa kepada penafsiran darjah pembuktian yang pelbagai. Selain itu, rujukan kes berkaitan amalan *prima facie* di Mahkamah Awam yang mudah didapati, juga mendorong kepada pemakaian *prima facie* di Mahkamah Syariah. Rujukan ini membantu seseorang Hakim Syarie dalam membuat keputusan sebagaimana pendapat informan 5 dan informan 6. Di samping faktor-faktor tersebut, informan 4 berpandangan bahawa pemakaian *prima facie* juga dikatakan sebagai ijtihad hakim yang dibolehkan selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak dan selagi boleh membawa kepada keadilan. Faktor-faktor yang dikemukakan telah membawa kepada pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah di negara ini.

Berdasarkan hasil temubual juga mendapati, kesemua informan bersetuju bahawa pemakaian *prima facie* menimbulkan kekeliruan dan kekaburan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sesebuah perbicaraan. Informan 2 memberikan pendapat sekiranya setiap Hakim

Syarie mempunyai tafsiran dan pandangan yang berbeza, perkara tersebut menyukarkan Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie untuk berhujah. Selain itu, informan 1, informan 2, informan 3 dan informan 6 berpandangan darjah pembuktian *zan al-Ghalib* yang kuat dan disokong dengan *qarinah* perlu diaplikasi bagi menggantikan pemakaian *prima facie*. Menerusi pandangan ini, pemakaian darjah pembuktian bersumberkan prinsip syariah dilihat lebih sesuai dalam konteks untuk mengembangkan hukum syarak supaya menjadi rujukan kepada hakim-hakim lain sebagaimana yang diamalkan di Mahkamah Sivil menurut pandangan informan 6.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pemakaian *prima facie* bagi peringkat pendakwaan bagi kes jenayah syariah di negara ini adalah kurang tepat. Hal ini kerana istilah *prima facie* tidak dinyatakan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah, lebih-lebih lagi ianya tidak dibahaskan menurut kaca mata prinsip syariah. Perbezaan falsafah dan semangat penguatkuasaan di antara Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Kanun Tatacara Jenayah juga menyumbang kepada alasan ketidaksesuaian pemakaian *prima facie* di Mahkamah Syariah. Tambahan pula, timbul beberapa isu berkaitan dengan pemakaian *prima facie* terutamanya berhubung dengan perbezaan tafsiran dan perbezaan dengan amalan yang diaplikasi di Mahkamah Awam. Kesesuaian pemakaian ujian penilaian maksimum yang diamalkan di Mahkamah Awam untuk diaplikasi di Mahkamah Syariah juga menimbulkan pertentangan dengan undang-undang sedia ada. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyumbang kepada pemakaian *prima facie*. Walaupun faktor-faktor tersebut munasabah, namun segala isu yang diutarakan menerusi kajian ini perlu diambil perhatian dan tidak boleh diabaikan. Justeru, kajian ini mencadangkan supaya darjah pembuktian yang sesuai dengan prinsip syariah diaplikasi bagi menggantikan pemakaian *prima facie* bagi kes jenayah syariah di negara ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2018-021) Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

RUJUKAN

- Abd Nasir, J. (1968). *Mawsu'at Jamal Abd Nasir fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Majlis al-A'la Li al-Syuun al-Islamiyyah.
- Ahmad 'Azam, M. K. (2011). Prosedur pendakwaan jenayah syariah: Analisis ke atas peruntukan undang-undang di bawah akta prosedur jenayah syariah (Wilayah-wilayah

- Persekutuan) 1997 dan akta keterangan mahkamah syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 15(1), 1-18.
- Ahmad Ibrahim, M. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Fayyumi, A. I. M. (1977). *Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (2006). *I'lam al- Muwaqi'in*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (2003). *Turuq al-Hukmiyyah*. Jeddah: Dar Ilmi Fawaid.
- Al-Khatib, A. S. (1958). *Mughni al-Muhtaj Ila Makrifah al-Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-'Arabi.
- Ashraf, M. H. (2011). Tahap pembuktian dalam kes-kes jenayah: Kajian perbandingan antara undang-undang sivil dan Islam. *Jurnal Syariah*, 9(2), 13-32.
- Ibn Manzur, M. I. M. (1983). *Lisan Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Jundi, A. M. (1947). *Al-Mausu'ah al-Jina'iyyah*, Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al- 'Arabi.
- Mahmood Saedon, A. O. (1989). Pembuktian: Kepentingan beban dan hukumnya. *Jurnal Hukum*, 6(2), 167-192.
- Oxford Latin Dictionary. (1968). London: Oxford University Press.
- Ruzman, M. N., & Istajib, M. (2011). Ulasan kes dari aspek pembuktian: Rosmah binti Suly & seorang yang lain v Ismail bin Mohamad & seorang yang lain. *Jurnal Kanun*, 26(1), 130-146.
- Shamrahayu, A. A. (2016). *Isu penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Legasi Press.
- Sheikh Ghazali, A. R. (2003). Kanun tatacara jenayah syariah: Perbandingan negeri-negeri di Malaysia. Dlm Abdul Munir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (pnvt.), *Pendakwaan dan penyiasatan: Konsep dan amalan* (pp. 86-104). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Teo, S. E. (2008). *Pendakwaan jenayah di mahkamah rendah*. Kuala Lumpur: Lexis Nexis Malaysia, Kuala Lumpur.
- The Concise Law Dictionary. (2013). London: Sweet & Maxweel.
- The Oxford English Dictionary. (1989). London: Oxford University Press.
- Zuhaili, M. S. (1994). *Wasail al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiah fi al-Muamalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, Riyad: Maktabah al-Mu'ayyad.